

Kesedaran individu perlindungan paling berkesan


KAJIAN mendapati sebahagian besar daripada kes yang menyebabkan kecederaan dan kemalangan maut akibat disambar petir berpunca daripada kelalaiian.

Kebanyakan mangsa tidak menganggap petir sebagai satu ancaman. Tindakan paling biasa, petir hanya menyambar apabila berlakunya ribut petir dan amat jarang menyambar manusia.

Walaupun risiko terkena panahan petir kecil, langkah keselamatan dan perlindungan perlu diketahui bagi mengelak malapetaka. Salah satu daripada yang terpenting adalah kesedaran.

Bagaimanapun, di mana-mana pun di dunia, kesedaran bahaya petir jarang wujud di peringkat individu, melainkan pada mereka yang pernah melalui pengalaman ngeri tersebut.

Pengarah Pusat Kecemerlangan Perlindungan Kilat (CELP) Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr. Mohd. Zainal Abidin Ab. Kadir berkata, usaha meningkatkan



ELAKKAN diri daripada melakukan kegiatan luar ketika hujan dan ribut petir.

kesedaran terhadap risiko kemalangan akibat petir harus diperluaskan kepada orang ramai.

Beliau berkata, cara terbaik dan paling berkesan adalah hebahan melalui media secara berterusan.

“Maklumat yang kita terima daripada rakan kajian iaitu Universiti of Chicago menunjukkan kesedaran umum meningkat selepas kempen berterusan melalui media.

“Kajian yang dilakukan menunjukkan jumlah kes menurun sebanyak 50 peratus, penurunan yang sangat ketara,” kata beliau.

Di dalam konteks negara ini katanya, langkah yang sama wajar dilaksanakan oleh kerajaan bagi meningkatkan kesedaran umum terhadap risiko dan bahaya petir.

Untuk tujuan itu katanya, golongan artis dan atlet misalnya boleh digunakan sebagai ikon dalam kempen-kempen di televisyen.

“Saya percaya kempen seperti itu mempunyai impak yang besar



KESEDARAN diri sendiri mengenai bahaya petir merupakan kaedah perlindungan terbaik.

kepada seluruh lapisan masyarakat,” katanya.

Selain saluran media utama, medium-medium popular seperti laman web dan laman sosial juga boleh membantu meningkatkan kesedaran.

Selain itu katanya, pihak berkuasa juga wajar menempatkan papan-papan tanda yang memberi amaran bahaya petir di kawasan yang berisiko seperti padang bola, taman permainan dan rekreasi.

“Bagi saya perlindungan petir yang pertama adakah kesedaran,” katanya.